

Agihan kerusi dipersetujui

Sarawak (SUPP) dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP).

Kedudukan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) di dalam BN sehingga ini masih belum diputuskan selepas ia diisytiharkan tidak sah dan pendaftarannya dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 25 Disember lepas.

Kenyataan Abdullah itu turut disokong oleh pemimpin-pemimpin parti komponen yang menyifatkannya sebagai satu penyelesaian yang berasaskan kepada semangat setiakawan dan perpaduan dalam BN.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, beliau berpuas hati dengan proses agihan kerusi yang adil dan tidak menimbulkan masalah.

Ia turut dipersetujui oleh Presiden Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting yang menyifatkannya sebagai seimbang dan berdasarkan semangat perpaduan dalam BN.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu juga berpuas hati dengan pembahagian kerusi untuk partinya tetapi menyatakan senarai calon masih belum ditetapkan lagi dalam perjumpaan dengan Presiden BN hari ini.

Menurut Abdullah, semua pemimpin parti komponen itu berpegang kepada konsep BN tanpa dicemari sebarang perasaan tidak puas hati.

Katanya, begitu juga dengan pengagihan kawasan-kawasan baru ekoran persempadanan semula kawasan pilihan raya, ia telah diagihkan dengan cara yang diterima baik oleh semua pihak.

"Semuanya sudah muktamad," tegas beliau sambil menambah Ibu Pejabat BN akan mengeluarkan surat rasmi esok kepada parti-parti komponen terbabit sebagai pengesahan kepada agihan itu.

Dalam UMNO sendiri, kata beliau, tidak ada sebarang desakan pada peringkat akhir penentuan kerusi tersebut kerana masing-masing memahami akan kepentingan parti.

Katanya, mereka menerima realiti bahawa ada kawasan yang majoriti pengundi Melayu terpaksa diserahkan kepada komponen lain atas semangat tersebut.

"Tidak ada satu pun kawasan pilihan raya yang mempunyai majoriti pengundi India. Mahu tidak mahu, MIC dan PPP (Parti Progresif Penduduk) terpaksa terima kawasan yang majoriti pengundi Melayu atau Cina," jelasnya.

Katanya, begitu juga dengan manifesto, tema dan kandungan telah dipersetujui oleh parti komponen dan akan diumumkan untuk dibaca dan difahami oleh rakyat.

Ditanya mengenai tema manifesto tersebut Abdullah berkata: "Nanti lah sat. Kita akan lancar."

Penamaan

Mengenai senarai calon, Abdullah berkata ia sedang diperhalusi dan akan diumumkan sebelum hari penamaan calon.

Sehubungan itu, beliau telah meminta para pemimpin parti komponen BN serta pengerusi perhubungan UMNO negeri supaya menghantar senarai calon kepadanya dalam tempoh tiga hari.

Ia bagi membolehkan beliau menghalusi senarai itu bagi memastikan tidak timbul perkara yang mungkin boleh menggagalkan calon seperti kes muflis dan jenayah.

Tetapi yang penting, kata beliau, mereka mesti boleh berkhidmat kepada rakyat yang diwakili dan berwibawa.

Abdullah turut melahirkan rasa lega kerana keputusan yang dibuatnya itu termasuk mengenai agihan kerusi dan senarai calon tidak sesukar seperti yang dijangkakan kerana kerjasama daripada semua pihak.